



PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI

ORGANISATIONAL
ANTI-CORRUPTION PLAN
(OACP)

2022 - 2024

ISI KANDUNGAN



PRAKATA

PRAKATA	2 - 4
BAB 1 PENGENALAN	5
LATARBELAKANG	6 - 10
PELAN STRATEGIK PDC TELCO	11
FUNGSI PDC TELCO	11
CARTA ORGANISASI	11
DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL	12
PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS PDC TELCO	12
KESAN-KESAN RASUAH SECARA AM KEPADA NEGERI DAN NEGARA SERTA SECARA KHUSUS KEPADA SYARIKAT	13 - 14
BAB 2 SENARIO ANTIRASUAH MASA HADAPAN	15
SENARIO ANTIRASUAH 2030	16 - 17
STRATEGI UTAMA PDC TELCO	18
BAB 3 MEMPERKASAKAN USAHA PENCEGAHAN RASUAH	19
KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI PDC 2022-2024	20
ANALISIS DATA	21
PELAN TINDAKAN OACP PDC TELCO	21
BORANG DAFTAR RISIKO	22 - 24
SENARAI RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN	25
PELAN TINDAKAN OACP	26 - 28
BAB 4 PENUTUP	29
KESIMPULAN	30
PENGHARGAAN	31



Amanat
**YAB TUAN CHOW KON YEOW
PENGERUSI
PDC TELECOMMUNICATION
SERVICES SDN BHD**

Salam Sejahtera,

Bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan dan tahniah kepada PDC Telecommunication Services Sdn Bhd (PDC Telco) atas kejayaan membangunkan Pelan Antirasuah PDC Telco (Organisational Anti-Corruption Plan – OACP).

Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan untuk membangunkan Pelan Antirasuah Nasional (National Anti-Corruption Plan – NACP) bagi mencapai aspirasi supaya “Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah”.

Penggubalan ini adalah berpandukan kepada Objektif Strategi 2.1 iaitu memperkasakan Perkhidmatan Awam Ke Arah Tadbir Urus Baik di bawah Inisiatif 2.1.5 yang mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP.

OACP PDC Telco juga selari dengan dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang di dalam melaksanakan pentadbiran secara Cekap, Akauntabiliti, Telus (CAT). Gabungan kedua-dua dasar ini dapat memantapkan kedaulatan undang-undang, menerapkan prinsip ketelusan, kebertanggungjawab dan integriti serta tadbir urus yang baik di dalam pentadbiran PDC Telco kelak.

Saya amat berharap semua kakitangan PDC Telco akan memberikan sepenuh komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif akan dibuat dengan rapi dan baik serta diharap cadangan penambahbaikan OACP ini sentiasa dapat dilaksanakan secara berterusan. Hasilnya penyampaian perkhidmatan PDC Telco akan menjadi lebih efisien dan efektif kepada masyarakat.

Sekalung tahniah diucapkan kepada semua pihak yang terlibat di dalam membangunkan OACP ini. Adalah menjadi hasrat kita bersama-sama untuk memastikan PDC Telco, PDC, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan akhirnya Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

**CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG**



Perutusan ENCIK HASMUNIR BIN HAMID PEMANGKU KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya jua, OACP PDC Telecommunication Services Sdn Bhd 2022 – 2024 berjaya disiapkan.

OACP PDC Telco 2022 – 2024 ini merupakan dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi yang bertujuan menangani permasalahan dan kelemahan governans, integriti dan antirasuah dalam kalangan warga PDC Telco. Selaras dengan aspirasi nasional ini, setiap warga PDC Telco perlu menghayati dan memelihara imej perkhidmatan yang menerapkan prinsip ketelusan, akauntabiliti dan tadbir urus yang berintegriti. OACP PDC Telco ini menekankan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk meminimakan isu-isu berkaitan birokrai serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

PDC Telco komited dalam melaksanakan aspirasi tersebut bagi memastikan Malaysia menjadi salah sebuah negara yang bebas rasuah. Justeru, OACP PDC Telco 2022 – 2024 yang dibangunkan menjadi sebuah platform kepada usaha dalam menerapkan integriti di kalangan warga kerja PDC Telco.

OACP PDC Telco menggariskan satu (1) strategi utama untuk dilaksanakan iaitu Pengurusan Projek yang terbahagi kepada 2 komponen seperti berikut:-

Strategi	Komponen
Pengurusan Projek	a) Pengurusan Pembinaan b) Pemantauan penyelenggaraan

Program dan aktiviti yang telah ditetapkan dalam OACP PDC Telco akan memfokuskan usaha untuk mengatasi risiko rasuah dan integriti serta ruang dan peluang berlakunya gejala tersebut di masa akan datang.

Selaras dengan pembangunan OACP PDC Telco ini, saya mengharapkan semua warga PDC Telco akan memberi sepuhul komitmen dalam memastikan pelaksanaan setiap inisiatif yang telah dirancang dalam OACP PDC Telco 2022-2024 kerana sebagai pekerja, nilai etika, jati diri dan integriti yang tinggi adalah perkara utama yang perlu kita sama-sama hayati dan amalkan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab setiap warga PDC Telco untuk bersama-sama menjayakan pelaksanaan OACP ini.

Besar harapan saya agar OACP ini dapat dijadikan rujukan komprehensif dan inklusif kepada semua warga PDC Telco dari pengurusan tertinggi sehingga ke peringkat bawah supaya setiap individu dapat melaksanakan pelan tindakan bagi menzahirkan organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

HASMUNIR BIN HAMID

Pernyataan Komitmen

PENGURUSAN TERTINGGI

Penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) adalah berpandukan kepada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang telah dilancarkan oleh YAB Tun Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia ke-7 pada 29 Januari 2019 dimana arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018 Siri 2, No.1 Tahun 2019 yang berkaitan Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah Dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Organisasi telah dikeluarkan untuk penerimaanpakai oleh semua jabatan kerajaan dan syarikat swasta yang mempunyai kepentingan kerajaan.

Sejajar dengan arahan tersebut, PDC Telco sebagai salah sebuah anak syarikat milikan penuh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah menghadiri Kursus Pembangunan Pelan Antirasuah Organisasai (OACP Siri 3 2021) anjuran oleh pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Malaysia Anti Corruption Academy (MACA) yang telah dijalankan secara atas talian di Pejabat PDC pada 29 March hingga 1 April 2021. Selain daripada itu, Unit Integriti PDC turut membantu didalam penyediaan OACP PDC Telco. OACP PDC Telco adalah komitmen dan Iltizam syarikat bagi memerangi rasuah dan salah laku integriti demi kesejahteraan organisasi.

Sejajar dengan hasrat tersebut diatas, kami warga PDC Telco beriltizam serta komited bagi memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang digubal dalam OACP ini dapat dilaksanakan dengan telus dan berintegriti.



Pengenalan

Bab ini menerangkan maklumat berkaitan latar belakang Organisasi dan pelaksanaan inisiatif dalam usaha PDC Telco untuk memerangi rasuah dan memupuk budaya integriti dan tadbir urus di kalangan warga kerja PDC Telco. Pelbagai inisiatif khusus melibatkan dasar integriti dan tadbir urus PDC Telco telah dilaksanakan sebagai komitmen pihak Pengurusan Tertinggi PDC Telco. OACP telah menjadi satu inisiatif PDC Telco bagi meneruskan usaha ke arah membentuk warga PDC Telco yang berintegriti.



BAB 1


LATAR BELAKANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

PDC Telco merupakan salah sebuah anak syarikat milikan penuh Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) dan merupakan penggerak utama di dalam pembangunan infrastruktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang. Syarikat ini telah ditubuhkan pada tahun 2005 dan berperanan penting di dalam Industri Telekomunikasi di Pulau Pinang. PDC Telco adalah pemegang lesen *Network Facilities Provider (NFP)* dan *Network Service Provider (NSP)* di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Visi PDC Telco adalah 'Menjadikan Pulau Pinang sebagai Bandar Pintar dengan berasaskan Komuniti Digital' dan Misinya adalah 'Mengintegrasikan Data ke Masa Hadapan'. Sejak dua (2) tahun yang lepas, PDC Telco telah berjaya membina sebanyak sembilan (9) struktur monopole dan satu (1) "minimast" atas bumbung. Selain itu, tiga (3) struktur *Portable Based Transceiver Station (PBTS)* telah diaktifkan kembali pada tahun 2020. Sehingga 31 Disember 2021, PDC Telco telah memiliki sejumlah 69 struktur telekomunikasi yang terdiri daripada menara tetap, *Portable Base Transceiver Station (PBTS)* dan struktur atas bumbung. Selain itu, PDC Telco juga menyediakan jaringan gentian optik dan saluran perparitan telekomunikasi untuk disewa kepada syarikat telekomunikasi.

Berikut merupakan perincian jumlah menara telekomunikasi yang dibangunkan oleh PDC Telco di Pulau Pinang mengikut daerah:-



Syarikat telekomunikasi yang kini menjadi penyewa untuk struktur telekomunikasi milik syarikat adalah Celcom, Digi, Maxis, U Mobile, Webe YTLC, Sapura, Telekom dan beberapa syarikat telekomunikasi kecil yang lain. Struktur telekomunikasi ini terletak di kawasan bandar dan luar bandar. Semua pengguna dari pelbagai usia dapat menikmati perkhidmatan ini.

LATAR BELAKANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Sepanjang tempoh negara ini dilanda wabak Covid-19 di mana kebanyakan kakitangan dari pelbagai sektor mempunyai kekangan untuk bekerja, dan perlu bekerja dari rumah, namun kakitangan PDC Telco diperlukan untuk bekerja di pejabat bagi memastikan syarikat telekomunikasi dapat memberikan perkhidmatan terbaik didalam memastikan liputan dan kapasiti yang lebih baik disediakan kepada pengguna. Dengan peningkatan penyewa struktur telekomunikasi, PDC Telco juga dapat memperluaskan perniagaannya dalam menyediakan perkhidmatan telekomunikasi di Pulau Pinang.

Pada masa hadapan, PDC Telco merancang untuk menyediakan, membantu dan menyokong lebih banyak perkhidmatan terutamanya kepada pihak Kerajaan Negeri, orang awam dan sektor perindustrian dalam penyediaan perkhidmatan jalur lebar. PDC Telco akan menyediakan sambungan gentian optik di kawasan yang tidak mempunyai jaringan gentian optik disamping meningkatkan teknologi baru bagi memastikan liputan selular di negeri ini lebih baik serta membangunkan lebih banyak struktur telekomunikasi yang mempunyai reka bentuk penyamaran (camouflage). PDC Telco juga giat berusaha untuk mengkaji dan melaksanakan struktur telekomunikasi yang lebih kecil di Pulau Pinang bagi menampung keperluan liputan dan kapasiti yang lebih baik dan juga untuk menyokong 5G pada masa hadapan termasuk era perindustrian IR 4.0

PDC Telco akan bekerjasama dengan SKMM dan Bahagian Kerajaan Tempatan untuk mewujudkan dan melaksanakan semua dasar dan peraturan yang berkaitan untuk mencapai standardisasi industri di Pulau Pinang. Dengan pemilikan lesen NSP dan NFP, PDC Telco akan bekerjasama dengan pihak industri untuk menyediakan infrastruktur gentian dan infrastruktur Mudah Alih kepada semua penyedia perkhidmatan Telekomunikasi di Pulau Pinang.

Bagi mencapai Negeri Pintar yang mempunyai kemudahan 5G bersama era perindustrian IR 4.0, pihak Kerajaan Negeri memerlukan perancangan rangka tindakan bagi memastikan kapasiti liputan yang lebih baik dan berterusan. Untuk menyokong hasrat ini, PDC Telco merancang untuk membina lebih banyak struktur telekomunikasi dengan menukar Tiang Lampu Jalan biasa menjadi Tiang Lampu Jalan Pintar yang berintigerasi.


PDC Telco juga bertindak sebagai *One-Stop Agency (OSA)* untuk memantau kerja-kerja perparitan di negeri Pulau Pinang sebagai bantuan tambahan kepada fungsi sedia ada.

LATAR BELAKANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Berikut adalah beberapa menara telekomunikasi milik PDC Telco di sekitar Negeri Pulau Pinang.

Jenis Struktur : Monopole Tree
Tapak : Design Village



Jenis Struktur : Monopole
Tapak : Bandar Cassia



LATAR BELAKANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Jenis Struktur : Tower 3 Legged
Tapak : Kampung Jalan Baru



Jenis Struktur : Tower 4 Legged
Tapak : Pulau Betong




LATAR BELAKANG

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Jenis Struktur : Portable Base Transceiver Station (PBTS)
Tapak : DHL Batu Maung



Jenis Struktur : Monopole Tree
Tapak : General Hospital, Penang



PELAN STRATEGIK

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Pelan Strategik PDC Telco telah menggariskan strategi jangka pendek, sederhana dan panjang untuk memantapkan peranan PDC Telco dan juga pulangan dalam usaha meningkatkan tahap taraf hidup rakyat di Pulau Pinang.

VISI

Menjadikan Pulau Pinang Sebagai Bandar Pintar Dengan Berasaskan Komuniti Digital.

MISI

Untuk Mengintegrasikan Data Ke Masa Hadapan

FUNGSI

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

1. Membina dan memiliki struktur telekomunikasi di Negeri Pulau Pinang
2. Bertindak sebagai "One Stop Agency" untuk memantau kerja-kerja perparitan di Negeri Pulau Pinang.

CARTA ORGANISASI PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD



Jumlah keseluruhan kakitangan: 15 orang

DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS NASIONAL

Sepanjang tempoh negara dalam menuju ke arah status negara maju dan berpendapatan tinggi, agenda pembanterasan rasuah telah menjadi keutamaan negara.

Untuk itu, beberapa inisiatif utama di peringkat nasional telah dibangunkan bermula dengan: -

- Pelan Integriti Nasional (PIN) 2004,
- Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) 2010,
- Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 (GTP 2.0) 2013,
- Terkini Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019–2023.

PELAKSANAAN DASAR INTEGRITI & TADBIR URUS PDC TELCO

PDC Telco sentiasa menyokong usaha kerajaan dalam membanteras rasuah. Bagi tujuan ini, PDC Telco telah mengambil inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional seperti:-

- Membangunkan, melafazkan Ikrar Bebas Rasuah pada 2017;
- Melaksanakan Integriti Pact selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan pada 2012; dan
- Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021–2024

KESAN-KESAN RASUAH SECARA AM KEPADA NEGERI DAN NEGARA SERTA SECARA KHUSUS KEPADA SYARIKAT


- 1 Melahirkan pegawai yang tidak amanah dan gagal dalam pelaksanaan
- 2 Melumpuhkan fungsi perjalanan sesuatu organisasi
- 3 Menyebabkan struktur pentadbiran menjadi lemah dan huru hara
- 4 Menjejaskan imej dan kredibiliti
- 5 Pembangunan tidak seimbang dan saksama dan menjelaskan kualiti infrastruktur dan program




MENGAPA RASUAH PERLU DITANGANI?

Tahun	Kedudukan	Skor
2014	51	52
2015	54	50
2016	55	49
2017	62	47
2018	61	47

Malaysia hanya memperbaiki kedudukan indeks CPI di tangga ke-61 dengan mata skor sebanyak 47 pada tahun 2018 berbanding mata pada tahun 2014 sebanyak 52 mata dengan kedudukan yang lebih baik.



Kumpulan pelaksana merupakan kumpulan yang paling tinggi tangkapan oleh SPRM sejak tahun 2014.



Peningkatan bilangan tangkapan pada tahun 2019 bagi penjawat awam adalah tinggi berbanding orang awam.

BAB 2

Senario

ANTI RASUAH MASA HADAPAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku di masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenalpasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Sebanyak satu (1) strategi utama telah digariskan dalam OACP PDC Telco.

SENARIO ANTIRASUAH 2030

Pelan Antirasuah Nasional 2019–2023 telah meletakkan empat (4) senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku di masa hadapan dalam kaitan risiko rasuah dengan tindakan-tindakan yang dilaksanakan oleh sebuah agensi. Ia meliputi senario:-



Scenario	Pengurusan Projek
S1 Senario Kesinambungan	Memberikan khidmat nasihat dan kepakaran pengurusan projek bagi meningkatkan mutu perkhidmatan. Walau bagaimanapun, isu ketelusan, peranan orang dalam kebocoran maklumat dan pengaruh pihak luar masih wujud dalam pengurusan projek.

SENARIO

ANTIRASUAH 2030

Senario	Pengurusan Projek
S2 Senario Kekangan	1) Campurtangan pihak yang berkepentingan di dalam membuat keputusan yang tidak mengikut garis panduan PDC Telco dan mengakibatkan keputusan yang dibuat tidak telus. 2) Kekangan bajet dalam pembangunan projek dan penggunaan teknologi terkini.
S3 Senario Perkembangan	Memberi khidmat nasihat profesional bagi meningkatkan kecekapan pelaksanaan pengurusan projek serta pengamatan ketelusan dalam membuat keputusan.
S4 Senario Merudum	Kekurangan kepakaran yang diiktiraf dalam bidang pengurusan projek untuk membantu proses membuat keputusan bagi pihak PDC Telco.



STRATEGI UTAMA PDC TELCO

Bagi menghadapi senario yang dinyatakan, PDC Telco telah membangun satu (1) strategi iaitu Pengurusan Projek yang mempunyai dua (2) komponen utama seperti berikut :-



Pengurusan Pembinaan

Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan bagi proses pengawasan pembinaan di tapak dalam Pengurusan Projek.



Pemantauan Penyelenggaraan

Meningkatkan kecekapan dan kebertanggungjawaban bagi pengawasan penyelenggaraan di tapak dalam Pengurusan Projek





BAB 3

Memperkasakan USAHA PENCEGAHAN RASUAH

KERANGKA PELAN OACP

OACP PDC TELCO 2022-2024



VISI : Ke Arah PDC Telco Bebas Rasuah.

MISI : Meningkatkan kecekapan dan ketulusan serta integriti ke arah lebih baik

MATLAMAT : Budaya kerja yang lebih telus dan tiada kompromi

BIDANG KEUTAMAAN : Pengurusan Projek
/STRATEGI



ANALISIS

DATA

Dalam usaha mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di PDC Telco yang mungkin menjelaskan operasi dan imej organisasi, Jawatankuasa OACP PDC Telco telah menganalisis beberapa data yang berkaitan bagi membantu menyenaraikan risiko-risiko. Merujuk kepada laporan statistik dari SPRM sejak tahun 2015, PDC Telco tidak pernah mempunyai rekod dan data mengenai kesalahan rasuah.

PELAN TINDAKAN

OACP PDC TELCO

Bidang keutamaan : Pengurusan projek yang mempunyai 2 komponen UTAMA seperti berikut :-

KOMPONEN STRATEGI

A

Pengurusan Pembinaan

Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan bagi proses pengawasan pembinaan di tapak dalam Pengurusan Projek.

B

Pemantauan Penyelenggaraan

Meningkatkan kecekapan dan kebertanggungjawaban bagi pengawasan penyelenggaraan di tapak dalam Pengurusan Projek



BORANG

DAFTAR RISIKO

A

Pengurusan Pembinaan

Meningkatkan keberkesanan dan ketelusan bagi proses pengawasan pembinaan di tapak dalam Pengurusan Projek.

NO	RISIKO	KESAN	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.1	Kelemahan SOP yang boleh dimanipulasi oleh pegawai penyelia dengan kontraktor	Menyebabkan implikasi kepada kualiti dan peningkatan kos binaan	1.1.1 Penambahbaikan SOP sediada 1.1.2 Memberi taklimat mengenai SOP kepada semua kakitangan terbabit supaya dapat meningkatkan pemahaman semasa menjalankan tugas 1.1.3 Menghantar kakitangan mengikuti kursus yang berkaitan dengan tugas	Jabatan Network Jabatan Network	2022 – 2024
1.2	Penyeliaan dan pengawasan yang kurang berkesan menyebabkan projek tidak dapat dijalankan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan	Menyebabkan implikasi kepada penerimaan hasil syarikat	1.2.1 Meningkatkan penyeliaan dan pengawasan di tapak daripada seminggu sekali kepada tiga kali seminggu. 1.2.2 Membentangkan laporan status projek kepada Pihak Pengurusan secara mingguan	Jabatan Network Jabatan Network	2022 – 2024

BORANG

DAFTAR RISIKO

NO	RISIKO	KESAN	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
1.3	Pegawai yang tidak berintegriti akan lebih cenderung untuk menerima sogokan daripada kontraktor	Menyebabkan implikasi kepada kualiti dan peningkatan kos pembinaan	1.3.1 Menghantar pegawai dan kakitangan yang berkaitan dengan projek untuk menghadiri kursus integriti	Jabatan Pentadbiran	2022 – 2024
1.4	Kebocoran maklumat oleh kakitangan yang melibatkan polisi perolehan syarikat	Menyebabkan implikasi seperti imej syarikat terjejas dan peningkatan kos pembinaan	1.4.1 Penyediaan bilik khas bagi tujuan penyediaan dokumen perolehan dan pembukaan tender dan sebut harga	Jabatan Pentadbiran	2022 – 2024
1.5	Bantahan oleh penduduk setempat berkenaan lokasi pembinaan menara telekomunikasi yang boleh dipertikaikan	Menyebabkan implikasi kepada imej negatif kepada syarikat	1.5.1 Mengadakan taklimat / penerangan bersama Ahli-ahli Exco, Agensi-agensi berkaitan seperti MCMC, Jabatan Nuklear Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada penduduk yang mengemukakan bantahan bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan	Jabatan Network	2022 – 2024

BORANG

DAFTAR RISIKO

B

Pemantauan Penyelenggaraan


Meningkatkan kecekapan dan kebertanggungjawaban bagi pengawasan penyelenggaraan di tapak dalam Pengurusan Projek

NO	RISIKO	KESAN	INISIATIF / TINDAKAN	PENERAJU / PELAKSANA	TEMPOH PELAKSANAAN
2.1	Pegawai penyelia berpaktat dengan kontraktor penyelenggaraan dengan tidak menjalankan penyelenggaraan mengikut jadual yang ditetapkan bagi: – a. Kawasan tapak menara (Pemotongan rumput, pemberian pagar) b. Struktur Menara Telekomunikasi	Menyebabkan implikasi kepada kewangan dan imej negatif kepada syarikat	1.1.1 Penambahbaikan SOP proses penyelenggaraan dan proses pembayaran sediada	Jabatan Network	2022 – 2024
2.2	Pegawai berpaktat dengan kontraktor di dalam pembekalan bahan yang tidak mengikut spesifikasi	Menyebabkan projek yang siap tidak mencapai tahap yang sama seperti struktur menara yang lain	2.2.1 Penambahbaikan SOP bagi pemantauan penyeliaan semasa penyelenggaraan 2.2.2 Pemantauan penyelenggaraan ditingkatkan dari mingguan kepada 3 kali seminggu	Jabatan Network Jabatan Network	2022 – 2024

PETA RISIKO

SENARAI RISIKO MENGIKUT BIDANG KEUTAMAAN

Nama Organisasi : PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD



No	Risiko	Bidang Keutamaan
1.1	Kelemahan SOP yang boleh dimanipulasi oleh pegawai penyelia dengan kontraktor	Pengurusan Projek
1.2	Penyeliaan dan pengawasan yang kurang berkesan menyebabkan projek tidak dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan	Pengurusan Projek
1.3	Pegawai yang tidak berintegriti cenderung menerima sogokan daripada kontraktor binaan	Pengurusan Projek
1.4	Kebocoran maklumat oleh kakitangan yang melibatkan polisi perolehan syarikat	Pengurusan Projek
1.5	Bantahan oleh penduduk berkenaan lokasi pembinaan menara telekomunikasi yang boleh dipertikaikan	Pengurusan Projek
2.1	Pegawai penyelia berpakat dengan kontraktor penyelenggaraan dengan tidak menjalankan penyelenggaraan mengikut jadual	Pengurusan Projek
2.2	Pegawai berpakat dengan kontraktor di dalam pembekalan bahan yang tidak mengikut spesifikasi	Pengurusan Projek

PELAN

TINDAKAN OACP

NO	INISIATIF	JABATAN	TEMPOH	TANGGUNGJAWAB	KPI
1.1.1	Penambahbaikan SOP sediada	Network	2022 - 2024	-Pegawai / Peyelia Tapak	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.1.2	Memberi taklimat mengenai SOP kepada semua kakitangan terbabit supaya dapat meningkatkan pemahaman semasa menjalankan tugas	Network	2022 - 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.1.3	Menghantar kakitangan mengikuti kursus yang berkaitan dengan tugas	Pentadbiran	2022 - 2024	-Ketua Jabatan Pentadbiran	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.2.1	Meningkatkan penyeliaan dan pengawasan di tapak daripada seminggu sekali kepada tiga kali seminggu	Network	2022 - 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.2.2	Membentangkan laporan status projek kepada Pihak Pengurusan secara mingguan	Network	2022 - 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.3.1	Menghantar pegawai dan kakitangan yang berkaitan dengan projek untuk menghadiri kursus integriti	Pentadbiran	2022 - 2024	-Ketua Jabatan Pentadbiran	- Masa - Kualiti - Kuantiti
1.4.1	Penyediaan bilik khas bagi tujuan penyediaan dokumen perolehan dan pembukaan tender dan sebut harga	Teknikal / Pentadbiran	2022 - 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network -Ketua Jabatan Pentadbiran	- Masa - Kualiti - Kuantiti

PELAN


TINDAKAN OACP

NO	INISIATIF	JABATAN	TEMPOH	TANGGUNGJAWAB	KPI
1.5.1	Mengadakan taklimat / penerangan bersama Ahli-ahli Exco, Agensi-agensi berkaitan seperti MCMC, Jabatan Nuklear Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada penduduk yang mengemukakan bantahan bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan	Network	2022 – 2024	-Ketua Jabatan Network -Ketua Pegawai Eksekutif	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.1.1	Penambahbaikan SOP proses penyelenggaraan dan proses pembayaran sediada	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.2.1	Penambahbaikan SOP bagi pemantauan penyeliaan semasa penyelenggaraan	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.2.2	Pemantauan penyelenggaraan ditingkatkan dari mingguan kepada 3 kali seminggu	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti

PELAN

TINDAKAN OACP

NO	INISIATIF	BAHAGIAN	TEMPOH	TANGGUNGJAWAB	KPI
1.5.1	Mengadakan taklimat / penerangan bersama Ahli-ahli Exco, Agensi-agensi berkaitan seperti MCMC, Jabatan Nuklear Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada penduduk yang mengemukakan bantahan bagi menyelesaikan isu-isu yang dibangkitkan	Network	2022 – 2024	-Ketua Jabatan Network -Ketua Pegawai Eksekutif	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.1.1	Penambahbaikan SOP proses penyelenggaraan dan proses pembayaran sediada	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.2.1	Penambahbaikan SOP bagi pemantauan penyeliaan penyeliaan semasa penyelenggaraan	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti
2.2.2	Pemantauan penyelenggaraan ditingkatkan dari mingguan kepada 3 kali seminggu	Network	2022 – 2024	-Pegawai / Penyelia Tapak -Ketua Jabatan Network	- Masa - Kualiti - Kuantiti



BAB 4

Penutup


KESIMPULAN

PDC Telco telah memperlihatkan komitmen dalam menyokong dasar antirasuah Kerajaan dengan membangunkan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) PDC Telco dengan menasarkan perancangan tiga (3) tahun iaitu dari 2022 hingga 2024. Demi matlamat menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah, pelan ini menggariskan tindakan yang perlu diambil untuk menyahut dasar kerajaan.

Pelan ini mengambil kira pandangan warga PDC Telco secara holistik dan telah mengenal pasti satu (1) strategi yang merangkumi inisiatif untuk dilaksanakan sebagai panduan pengurusan antirasuah di PDC Telco.

Pelaksanaan semua inisiatif yang telah dirancang ini akan dipantau dan dikaji semula secara berkala untuk keberkesanan OACP. Untuk memastikan inisiatif yang dirangka akan sentiasa relevan dan terus menjadi panduan dan rujukan semua pihak dalam menangani salah laku dan jenayah rasuah, PDC Telco akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dan mengambil kira maklum balas, nasihat dan panduan daripada pelbagai pihak dari masa ke semasa.

PDC Telco berharap agar OACP yang dibentuk ini akan memudahkan tatacara dan pengurusan pihak syarikat dalam membendung dan menangani masalah intergriti, governans dan rasuah pada masa akan datang.



SEKALUNG

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada: -

PENGURUSAN TERTINGGI

Encik Hasmunir bin Hamid
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

KEANGGOTAAN OACP

Pengerusi

Encik Ong Boon Soon
Ketua Jabatan Kewangan

Ahli

Puan Suliana bt Sulaiman
Ketua Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia

Ahli

JABATAN PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA

Cik Noryasirah bt Senawi

Urusetia

Puan Sabrina bt Abd Majid

Kakitangan

Puan Geraldine Sharmila

Kakitangan

JABATAN KEWANGAN

Puan Yanti bt Ismail

Kakitangan

Puan Noor Shashierra bt Abdul Rahsid

Kakitangan

JABATAN NETWORK

Encik Muhammad Firdaus bin Hashim

Kakitangan

Encik Kamarularifin bin Arshad

Kakitangan

Cik Nurrul Hidayah bin Harun

Kakitangan

Encik Ahmad Termizi bin Abu Seman

Kakitangan

Encik Muhammad Asyraf bin Elas

Kakitangan

Encik Mohd Farabi bin Osman

Kakitangan

Puan Nor Adilah bt Shaari

Kakitangan

Terima kasih kepada semua warga PDC Telco yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan OACP PDC Telco 2022 – 2024.

Tenima
Kasih



Hak Cipta Terpelihara
PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga, sama ada secara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada PDC Telecommunication Services Sdn Bhd.

Diterbitkan oleh :

PDC TELECOMMUNICATION SERVICES SDN BHD
1-12A-12A, SUNTECH @ Penang Cybercity,
Lintang Mayang Pasir 3, Bandar Bayan Baru,
11950 Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Tel: (604) 640 6644
Fax: (604) 640 6640
Email: general@pdctelco.com.my
Website: www.pdctelco.com.my